

420 sertai Kursus Penyelidikan Kuantitatif

U8 13.10.2016 A6

LABUAN: Seramai 420 peserta menyertai Kursus Penyelidikan Kuantitatif dan Analisis Data Menggunakan Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) di Dewan Kuliah 1, Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), baru-baru ini.

Kursus itu dilaksanakan oleh Leftenan Kolonel Bersekutu (PA) Profesor Madya Dr Norazah Mohd Suki, Profesor Madya Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) UMSKAL.

Beliau merupakan penulis buku bertajuk ‘Analysing Data using SPSS: A Step-By-Step Approach’ dan penerima Anugerah Tokoh Penyelidik (Kategori Sains Sosial) UMS bagi Tahun 2015.

Peserta kursus itu terdiri daripada pelajar prasiswazah FKAL Tahun 2 dan Tahun 3. Turut hadir di kursus itu adalah pelajar pascasiswazah FKAL.

Kursus itu bertujuan memberi pencerahan secara praktikal untuk analisis data kuantitatif menggunakan



NORAZAH (kiri) menjawab soalan peserta.

Perisian SPSS.

Cara penyelidikan dan analisis data, beserta teknik pensampelan yang bersesuaian dengan objektif kajian dapat memberikan hasil penyelidikan yang bernilai dan berimpak tinggi kepada syarikat.

Hasil kajian empirikal dapat membantu strategi syarikat dalam pengeluaran produk

dan perkhidmatan baru yang berkualiti tinggi untuk memenuhi kehendak pelanggan dan pengguna perkhidmatan.

Menurut Profesor Madya Dr Norazah, melalui kursus itu, peserta mempelajari pengekodan data menggunakan SPSS; menubuhkan dan memasuki data ke dalam SPSS; analisa statistik deskriptif

seperti kekerapan, sukatan kecenderungan memusat dan menggambarkan data menggunakan graf; penjadualan bersilang dan chi-square statistic; analisis korelasi; memeriksa hubungan antara interval data; analisis regresi berganda; dan menginterpretasikan keputusan data.